

25 JAN 2003

Mahathir-Amerika

MALAYSIA TERUS BANTAH SERANGAN TERHADAP IRAQ

Oleh: Azman Ujang

DAVOS, 25 Jan (Bernama) -- Malaysia akan terus menyuarakan tentangannya terhadap rancangan Amerika Syarikat untuk menyerang Iraq walaupun kuasa besar itu tidak lagi mempedulikan pandangan dunia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri, yang berada di sini untuk menghadiri mesyuarat tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) berkata, adalah penting bagi Malaysia menyuarakan pandangannya terhadap sesuatu perkara yang dianggapnya tidak betul.

Amerika sudah sampai kepada peringkat bukan sahaja tidak menyokong atau mempedulikan pandangan Malaysia dalam soal Iraq tetapi juga pandangan daripada negara-negara lain yang menentang rancangan perang itu, katanya kepada wartawan Malaysia di sini malam tadi.

"Kita dapati Amerika tidak lagi mempedulikan pandangan dunia, tetapi sekurang-kurangnya Amerika tidak berperang dengan kepercayaan yang tidak berasas bahawa mereka berjuang untuk dunia, untuk manusia.

"Kalau tidak ada mana-mana pihak yang menyuarakan pandangan mereka yang negatif terhadap Amerika, maka Amerika akan berkata kepada dunia 'Kami berperang untuk kebaikan manusia, siapa nak kata tidak'," katanya.

Dr Mahathir mengulangi hujah beliau yang disuarakannya pada satu sidang pleno di mesyuarat WEF Khamis lepas, bahawa dalam banyak hal, dunia masih lagi tidak diuruskan dengan baik seperti di Zaman Batu dahulu.

Katanya dunia mengukur kuasa sesebuah negara itu bukan kerana ia bijak atau mempunyai kebudayaan yang baik, atau faham apa tentang keadilan dan betul-betul dapat mendirikan tamadun.

"Kini kita ukur kebesaran sesebuah negara mengikut keupayaan membunuh, kalau ia boleh bunuh yang terbanyak, maka ialah negara yang terbesar. ini sama Zaman Batu dulu.

"Kalau seseorang itu ada belantan yang begitu besar, orang lain tak berani lawan dengan dia dan dialah yang menjadi raja.

"Sejauh manakah manusia sudah maju, (sebenarnya) mereka tidak maju," katanya.

Perdana Menteri berkata dalam beberapa hal, tidak ada negara lain yang menyokong Amerika, kecuali Britain dan Australia sahaja.

"Kita kata bila kita percaya bila benda itu tak betul, kita mesti kata demikian," katanya apabila ditanya kenapa Malaysia terus menyuarakan tentangan terhadap rancangan perang Amerika Syarikat memandangkan sikap negara itu yang menganggap pandangan negara-negara lain tidak relevan lagi.

Dr Mahathir juga berkata nampak jelas bahawa orang barat pun sudah sedar bahawa kepercayaan mereka terhadap institusi-institusi atau kerajaan mereka sudah merosot.

Katanya sokongan terhadap kerajaan dan institusi-institusi di barat berbelah bahagi dan kadang-kadang sebenarnya kemenangan pihak yang menjadi kerajaan itu adalah minoriti atau kecil sekali.

Ini berbeza dengan keadaan di Malaysia kerana kerajaan berkali-kali mendapat kemenangan yang besar dalam setiap pilihan raya, katanya.

Perdana Menteri berkata misalnya dalam sesuatu pilihan raya, yang mengundi hanya 25 peratus dan yang mendapat majoriti 13 peratus, yang bermakna 13 peratus itu yang menjadi kerajaan dan yang bakinya tidak ada kepercayaan kepada kerajaan.

Sebaliknya di Malaysia terdapat 85 peratus yang mengundi, jadi pihak yang menang dapat majoriti yang besar di Malaysia, ini bermakna mereka mendapat sokongan yang betul-betul majoriti, katanya.

Beliau berkata di barat, media memainkan peranan cukup besar dalam membentuk pemikiran rakyat untuk menyokong mana-mana parti.

Dr Mahathir berkata oleh kerana pengaruh media terlalu besar maka pemilihan yang dibuat itu mungkin tidak bijak kerana media mempunyai agendanya tersendiri, terutamanya di sesetengah negara yang mempunyai seorang yang menguasai begitu banyak akhbar, stesen televisyen, dan syarikat perfileman dan pengaruh mereka begitu besar.

Dr Mahathir sekali lagi menegaskan bahawa adalah kritikal masalah seperti Palestin diselesaikan secara ikhlas sebagai kunci kepada kejayaan perang terhadap keganasan yang kini menyebabkan dunia berada dalam ketakutan.

"Kita hendaklah cuba mencari satu perdamaian dengan menunjukkan keikhlasan hendak kepada kedamaian dan masalah seperti Palestin hendaklah diberi perhatian," katanya.

Menjawab soalan bahawa sebahagian besar negara-negara Islam sendiri nampaknya tidak menunjukkan siakp serius dan ikhlas dalam menyelesaikan masalah Palestin, beliau berkata Mesir dan Syria pernah berperang dengan Israel tetapi mereka kalah kerana sokongan luar kepada Israel yang datang dari Eropah dan Amerika.

"Sebab itu walaupun mereka ini menolong, mereka tidak dapat menolong kerana sebarang usaha mereka tetap akan gagal, sebab itu sekarang ini yang berjuang hanyalah orang Palestin.

"Oleh kerana mereka tidak boleh adakan peperangan secara konvensional, maka mereka gunakan cara-cara ganas, tetapi hakikat ialah mereka tidak ada cara lain, maka mereka menggunakan cara ini," katanya.

Perdana Menteri berkata selagi tiada penyelesaian atau usaha untuk menghapuskan bab-bab keganasan, dunia akan terus hidup dalam ketakutan kerana penganas bukan sebuah negara dan penganas berada di mana-mana.

"Penganas boleh menyerang di mana-mana termasuk di Amerika Syarikat. Jadi kita nak perang dengan siapa? Orang yang hari ini jiran kita setahun atau dua tahun tapi tiba-tiba membawa kapal terbang merempuh bangunan-bangunan.

"Penganas tidak memakai uniform, mereka pakai pakaian macam kita," katanya.

Ditanya mengenai hakikat sebahagian besar negara-negara Islam masih tidak lagi mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi, Dr Mahathir berkata demokrasi bukanlah satu agama tetapi satu cara pentadbiran.

Katanya pada zaman dulu, ada cara lain yang merupakan cara yang diterima, maka cara feudal adalah cara yang baik.

Hari ini cara yang diterima adalah cara demokrasi tapi demokrasi bukanlah begitu sempurna, katanya.

"Di Malaysia, kita terikat kepada demokrasi, sistem 'populist' sokongan daripada majoriti.

"Misalnya kadangkala ada permintaan dari sesuatu kampung atau orang yang mahukan kontrak, kalau kita tak bagi (beri), mereka tak akan sokong kita.

"Jadi ini bukan benda yang baik yang perlu dilakukan oleh kerajaan demokrasi tetapi kerana mereka menerima tekanan, maka ia akan dilakukan," katanya.

Bagaimanapun Perdana Menteri mengaku demokrasi adalah cara pemerintahan yang terbaik "jika tidak keterlaluan", kerana rakyat boleh menjatuhkan kerajaan tanpa revolusi dengan hanya mengundi dan menukar kerajaan.

"Tapi ada banyak lagi yang tidak baik pada demokrasi," katanya.

-- BERNAMA

AU LIB MAI